

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL.4/2002

KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS KEGUNAAN DI BAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA 1965

1. Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai perubahan kadar premium tambahan bagi tanah-tanah yang diubah jenis kegunaannya di bawah Seksyen 124 KTN.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil 19/2002 yang bersidang pada 18 September, 2002 dalam menimbang “Kertas Cadangan Meningkatkan Hasil Negeri Melalui Kenaikan Kadar Bayaran Dan Mengenakan Bayaran Dari Punca-Punca Hasil Negeri Kelantan” (Kertas semakan selepas 8 Ogos, 2002 dan 11 September, 2002) telah bersetuju untuk membuat pindaan bagi Kadar Bayaran Premium Tambahan Bagi tanah-tanah Yang Diubah Jenis Kegunaan Di Bawah Seksyen 124 KTN. Dengan keputusan ini kadar premium tambahan hendaklah mengikut kadar yang baru sebagaimana berikut :-

<u>Daripada</u>	<u>Kepada</u>	<u>Kadar Bayaran</u> (Peratusan Atas Perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan harga tanah jenis baru)	
(a) Pertanian	i) Bangunan kediaman kurang daripada 5 buah (1 hingga 4 buah)	2 %	
		3 %	
		4 %	
		4 %	
	ii)	Bangunan kediaman – 5 buah atau lebih untuk dijual/disewa	6 %
			8 %
(b) Pertanian	i) Bangunan perniagaan kurang daripada 5 buah (1 hingga 5 buah)	5 %	
	ii) Bangunan Perniagaan – 5 buah atau lebih untuk dijual/disewa	15 %	

Nota

Penentuan bilangan bangunan di atas adalah mengikut jumlah bangunan keseluruhan projek dan bukannya mengikut jenis bangunan. Sekiranya terdapat kekeliruan, kadar peratusan yang tertinggi di dalam kategori itu hendaklah dipakai.

(c) Pertanian atau Bangunan	Perindustrian	
	i) Modal kurang daripada RM 50,000.00	10 %
	ii) Modal RM 50,000.00 hingga RM 100,000.00.	15 %
	iii) Modal lebih daripada RM 100,000.00 hingga RM 250,000.00.	20 %
	iv) Modal lebih daripada RM 250,000.00.	25 %

3. Kadar premium tambahan yang baru ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2003 sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 04hb. Disember 2002 dan Pekeliling PTG Bil.1/1981 adalah dengan ini **dibatalkan.**

t.t
(Abdul Halim Bin Haji Ahmad)
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN
 KELANTAN

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir-Pentadbir Tanah
 Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
5. YB Penasihat Undang-Undang
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha
Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN. 4485(71)
PTG.KN.SULIT 3/65 JLD.7 Sj. 1**

BERTARIKH : 04HB. DISEMBER 2002.